

Kejatuhan nilai ringgit sementara

VM 25/11

Oleh SHARAIMEI
SHAIK AHMEDULLAH

ekonomi@utusan.com.my



MOHD. IRWAN SERIGAR

“Ekonomi Malaysia masih lagi kuat dan harga minyak dunia juga stabil iaitu tidak jatuh ke paras AS\$40 (RM176) setong, malah unjuran suku ketiga pertumbuhan ekonomi negara yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini juga menunjukkan

ekonomi kita sangat kukuh.

“Malah, pertumbuhan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak empat hingga lima peratus pada tahun hadapan boleh dicapai dan dipertahankan,” katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam pertandingan

Cabaran Kod Kebangsaan 2016 di sini hari ini.

Nilai ringgit merosot lebih lima peratus sejak Trump diumumkan sebagai Presiden AS yang baharu, menjadikannya yang terburuk dalam tempoh 13 bulan pada kadar RM4.45 berbanding dolar.

Dalam pada itu, Mohd. Irwan Serigar meminta orang ramai supaya menghentikan penyebaran berita negatif mengenai Malaysia sehingga mencetuskan kebimbangan pelabur asing.

“Saya ingin nasihatkan supaya jangan sebarkan berita palsu dan jangan mengkritik kerajaan secara membuta-tuli, ini kerana setiap perkara yang dilaksanakan adalah baik untuk negara dan rakyat,” katanya.

PUTRAJAYA 24 Nov. - Kejatuhan mata wang ringgit yang berlaku sejak Donald Trump memenangi pilihan raya Presiden Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini adalah bersifat sementara dan dijangka mengukuh semula selepas ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, keyakinan itu berdasarkan faktor pelaburan asing yang akan masuk ke negara ini dalam tempoh terdekat dan pembangunan pelbagai projek kerajaan pada tahun hadapan.